

[JKNPP/05/04/1]



Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 5 TAHUN 2007**

Garis Panduan Bagi Penggunaan Kemudahan *Google Earth*

TUJUAN

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memberi makluman kepada semua Ketua Jabatan mengenai prosidur penggunaan kemudahan *Google Earth* bagi mendapatkan perkhidmatan paparan imej melalui satelit untuk kegunaan jabatan.

LATAR BELAKANG

Teknologi Paparan Imej Satelit

2. Perkembangan teknologi masakini telah membolehkan aktiviti pemantauan, pengesanan dan penguatkuasaan di sektor awam dibuat dengan menggunakan paparan imej yang diambil melalui satelit. Kemudahan ini yang disediakan oleh syarikat di luar negara kini juga ada dibekalkan di negara ini oleh cawangan syarikat –syarikat tersebut.

Google Earth adalah merupakan satu daripada kemudahan langganan yang disediakan.

3. Bagi mempertingkatkan keberkesanan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan di sektor awam dalam menangani isu semasa, Kerajaan Negeri telah bersetuju melanggan kemudahan *Google Earth* untuk kegunaan jabatan-jabatan negeri. Namun demikian penggunaan kemudahan ini akan dipantau sepenuhnya oleh PEGIS sebagai satu Unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah dipertanggungjawabkan sebagai pemegang lesen bagi seluruh negeri. ,

Capaian Kepada Kemudahan *Google Earth*

4. Masakini produk *Google Earth*(GE) terdiri daripada empat (4) jenis dengan penggunaan yang pelbagai dan kumpulan sasaran yang berbeza seperti berikut:-

- (i) *GE Free Version* ialah kemudahan yang disediakan secara percuma dengan *tool navigation* seperti *zoom in*, *zoom out*, *pan* dan sebagainya yang memaparkan imej satelit pelbagai resolusi. Bagi negeri Pulau Pinang, imej satelit yang beresolusi tinggi mampu memaparkan gambar-gambar bangunan yang boleh dilihat dengan jelas.
- (ii) *GE Plus* (USD 20) pula ialah kemudahan untuk memenuhi keperluan individu di mana melalui produk ini, kapasiti *GE Free Version* boleh diperkembangkan bagi mengesan arah laluan di mana ianya berguna untuk pemanduan di jalan raya yang sesak.

- (iii) GE PRO (USD 400) pula adalah kemudahan yang disediakan untuk kegunaan peribadi atau oleh syarikat kecil. Pengguna boleh menikmati kemudahan ini melalui paparan maklumat GIS (Geographic Information System) ke dalam *Google Earth* secara *online* tanpa kerja-kerja *programming* yang membebankan.
- (iv) GE Enterprise ialah kemudahan yang disediakan kepada pengguna yang ingin membangunkan aplikasi *Google Earth* dalam organisasinya sendiri. Jenis ini agak rumit untuk digunakan oleh pelanggan biasa kerana teknologi ini memerlukan *IT integration*.

5. Berdasarkan kepada kemudahan semasa yang disediakan, capaian kepada *Google Earth* boleh dibuat dengan batasan-batasan seperti berikut:-

- (i) *Google Earth* akan membekalkan satu *username* dan *password* kepada Kerajaan Negeri sebaik sahaja langganan dibuat oleh PEGIS. Oleh kerana hanya satu lesen dilanggan, maka hanya satu pengguna dibenarkan untuk *log-in* pada sesuatu masa. Walaubagaimanapun berdasarkan ujian yang telah dijalankan oleh PEGIS didapati sistem tersebut masih menerima sehingga 3 pengguna *log-in* serentak.
- (ii) Oleh kerana hanya satu *username* dan *password* digunakan maka pengguna boleh *log-in* dari mana-mana lokasi pada bila-bila masa tanpa dapat dikenalpasti identiti mereka kerana semua pengguna menggunakan *username* dan *password* yang sama.

- (iii) Pemegang lesen (PEGIS) tidak mempunyai kawalan ke atas pengaksesan kemudahan *Google Earth* ini kerana *server* dan pangkalan data dikawal sepenuhnya oleh *Google Earth*.

PROSIDUR PENGGUNAAN OLEH JABATAN

6. Dengan itu, jabatan-jabatan yang berminat untuk menggunakan kemudahan *Google Earth* dalam melaksanakan aktiviti mereka, bolehlah berhubung dengan PEGIS untuk mendapatkan kemudahan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Jabatan-jabatan Negeri tidak perlu membuat bayaran bagi perkhidmatan yang diterima kerana segalanya akan diuruskan oleh PEGIS melalui pembiayaan daripada peruntukan Kerajaan Negeri. Berikut adalah prosidur penggunaan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PEGIS untuk dipatuhi oleh jabatan:-

- (i) Permohonan untuk mendapatkan *username* dan *password* hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pusat PEGIS.
- (ii) Penggunaan kemudahan ini hanyalah untuk kegunaan rasmi sahaja.
- (iii) Penggunaan oleh pegawai di jabatan hendaklah dihadkan setakat jawatan Juruteknik Kanan/Penolong Pegawai Sistem Maklumat dan jawatan-jawatan yang setaraf atau lebih tinggi daripadanya.
- (iv) *Username* dan *password* yang dibekalkan tidak dibenarkan untuk disebar kepada mana-mana pakarunding atau individu yang mempunyai kepentingan tertentu tanpa kebenaran bertulis daripada PEGIS.

- (v) Ketua jabatan adalah bertanggungjawab ke atas penggunaan kemudahan ini di jabatan masing-masing termasuk membuat pemantauan dari masa ke semasa, memastikan penggunaan kemudahan berlandaskan prinsip perbelanjaan berhemat dan mengadakan langkah-langkah kawalan bagi menyekat penyebaran *username* dan *password* dengan sewenangnya.

- (vi) Jabatan Kewangan Negeri dengan kerjasama Pusat PEGIS dari masa kesemasa *akan* memantau penggunaan kemudahan *Google Earth* oleh Jabatan-jabatan Negeri supaya faedah daripada perkhidmatan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

TARIKH KUATKUASA

Peraturan ini berkuatkuasa serta merta mulai dari tarikh surat ini diedarkan.

(DATO'SUPIAH BINTI MD. YUSOF)

Pegawai Kewangan Negeri,
Pulau Pinang.

Tarikh : Mac 2007.

s.k. Y.A.B. Tan Sri Ketua Menteri,
PULAU PINANG.

Y.B. Setiausaha Kerajaan,
PULAU PINANG.

Bendahari Negeri,
PULAU PINANG.